

Ruj. Kami : (8.00) (01.00) 684/4-5/ (12)
Tarikh : 1 Februari 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA (SABAH)
BILANGAN 4 TAHUN 1997**

**PERUNTUKAN KERETA RASMI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Berikutan dengan pemerhatian peiabat ini adalah mendapati beberapa jabatan tidak mematuhi Pekeliling-pekelling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan dengan peruntukan kereta rasmi bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Antara amalan-amalan penyalahgunaan kenderaan jabatan adalah seperti berikut:

- 2.1. Pemandu jabatan diarah menjemput Ketua Jabatan /pegawai dari rumah ke pejabat dan juga menghantar Ketua Jabatan/pegawai pulang ke rumah dari pejabat pada setiap hari kerja.
- 2.2. Ketua Jabatan/Pegawai menggunakan kenderaan jabatan bukan untuk urusan rasmi.
- 2.3. Ketua Jabatan/Pegawai membenarkan kenderaan jabatan dibawa pulang oleh pemandu hingga menyebabkan kenderaan jabatan disalahgunakan oleh pemandu.
- 2.4. Ketua Jabatan/Pegawai mebawa pulang kenderaan jabatan untuk kegunaan peribadi.

3. Oleh yang demikian, amalan-amalan yang tersebut di atas hendaklah diberhentikan dengan serta merta dan pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dinasihatkan supaya mematuhi Pekeliling-pekelling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1992, dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1994. Menurut Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan tersebut di atas, hanya para Hakim dan Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama C dan ke atas atau yang setaraf serta pegawai-pegawai tertentu di Gred Khas C dan ke atas dibenarkan menikmati kemudahan kereta mengikut peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

4. Sehubungan dengan ini sokongan dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mematuhi sepenuhnya Pekeliling-pekelling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan dengan penggunaan kereta rasmi Jabatan bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam Persekutuan.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.